

CABARAN PENSYARAH FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH DALAM MELAKSANAKAN PROSES PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

NURUL JAMILAH ISMAIL RANI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
jamilah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat cabaran pembelajaran dalam talian dengan kaedah komunikasi tidak bersemuka dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Sewaktu tempoh pembelajaran dalam talian antara isu yang diperkatakan oleh pensyarah ialah etika dan adab dalam kalangan pelajar, ini kerana penggunaan medium seperti whatsapp, telegram dan googlemeet menjadi lebih kondusif dan sering disalah gunakan oleh pelajar (Mohd Azwan Sulaiman, 2021). Ada dalam kalangan pelajar yang tidak menghormati masa yang telah diperuntukkan oleh pensyarah untuk dihubungi pelajar, penggunaan perkataan yang kurang sopan dan tidak formal dan juga kurang respon dari pelajar sewaktu proses pembelajaran berlaku. Atas sebab faktor-faktor berikut, pengkaji ingin melihat adakah pensyarah KUIS turut mengalami masalah yang sama atau wujud cabaran yang lain sewaktu menjalankan pembelajaran dalam talian. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang berbentuk deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis yang dijalankan berbentuk frekuensi dan ranking min. Soal selidik berbentuk googleform telah diedarkan dalam kalangan pensyarah FPM, KUIS. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pensyarah dalam mengenalpasti apakah isu-isu yang timbul dalam kalangan pensyarah sewaktu tempoh pembelajaran dalam talian.

Kata kunci: *Halangan komunikasi. Komunikasi dalam talian. Komunikasi Pensyarah.*

1.0 Pengenalan.

Tempoh pandemik yang melanda negara sejak 2019 banyak membawa perubahan kepada kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di institusi pendidikan dalam dan luar negara. Selain cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, pensyarah juga merupakan antara pihak yang terlibat dalam memastikan pelajar dapat meneruskan PdP seperti biasa tidak terganggu dengan virus Covid-19 yang melanda dunia. Di kuis sesi II 2020/2021 merupakan sesi kedua, PdP dijalankan secara sepenuhnya dalam talian, oleh sebab itu pengkaji ingin melihat apakah cabaran yang dilalui oleh pensyarah sewaktu PdP dalam talian berlangsung. Ketika tempoh PdP ini dilaksanakan muncul pelbagai isu yang boleh dikaitkan dengan penerimaan pelajar sama ada pelajar sekolah rendah, menengah mahupun pelajar institusi pengajian tinggi.

Dalam keadaan negara yang masih tidak mencapai tahap bilangan jangkitan yang rendah, dapat dilihat, institusi juga mencari jalan penyelesaian yang sesuai dalam memastikan pelajar menerima maklumat yang secukupnya, meneruskan pembelajaran seperti biasa tanpa menangguhkan semester atau berhenti terus dari pengajian. Sebagai pensyarah, mereka perlu memastikan kaedah dan penerimaan pelajar terhadap PdP dalam talian terkawal dan diterima baik oleh pelajar. Merujuk kajian Rubiah & Jamilah (2009) menyatakan penggunaan e

pembelajaran ketika itu adalah sangat menjadi keperluan walaupun ketika itu tidak berlakunya situasi pandemik seperti sekarang namun impak dan penerimaan IPTA/IPTS adalah masih diragui, oleh itu pengkaji menekankan pendidik atau pensyarah merupakan penggerak utama bagi memastikan penggunaan e-pembelajaran atau PdP dalam talian ini menjadi sesuatu yang mudah dan boleh diterima oleh segenap lapisan masyarakat terutamanya pendidik dan pelajar. Salah satu hasil kajian dari Noraffandy Yahaya & Ling Ning Ning (2011) mendapati bahawa galakan dan dorongan dari pensyarah mempengaruhi kesediaan, emosi dan tahap motivasi pelajar dalam penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains, Komputer, Universiti Teknologi Malaysia. Selain itu seramai 42% responden mempunyai kekerapan penggunaan e-pembelajaran sehingga 6-10 kali dalam seminggu walaupun ketika itu e-pembelajaran masih belum digunakan sepenuhnya. Hasil kajian ini selari dengan kajian pengkaji yang ingin melihat impak dan kesan daripada cabaran penggunaan PdP dalam talian ini berbanding secara bersemuka.

Pelbagai aplikasi dan peranti sedia ada telah ditambahbaik dan telah digunapakai secara meluas oleh IPTA/IPTS seperti Google Classroom, Google Meet, Webex dan Office360. Malahan sesetengah IPTA/IPTS memajukan aplikasi sendiri untuk kegunaan para pelajar seperti di KUIS iaitu KLMS. Bukan sahaja kuliah memerlukan aplikasi ini, ahli akademik juga memerlukan aplikasi seperti Google Meet dan Webex untuk melakukan mesyuarat dan mengadakan e-seminar. Dalam tempoh pandemik ini keseluruhan PdP secara dalam talian menyebabkan pensyarah dan pendidik tidak mempunyai pilihan yang lain dalam memastikan pelajar dapat meneruskan PdP seperti biasa dan dapat menghabiskan pengajian dalam tempoh yang sepatutnya.

2.0 Kajian Lepas.

PdP dalam talian telah bermula sejak sedekad yang lalu namun penggunaan dan keperluannya di Malaysia masih di tahap sederhana. Ini dapat dilihat sendiri dari penggunaan pensyarah di KUIS, yang mana penggunaan Mylms masih rendah dan kurang kepelbagaian. Selain itu pensyarah sentiasa perlu diberi pendedahan mengenai pembelajar beradun setiap semester, pensyarah juga disediakan bengkel yang berkaitan aplikasi sedia ada yang kurang digunapakai oleh sebilangan besar pensyarah. Penggunaan PdP dalam talian hanya digunakan secara meluas oleh pelajar yang mengambil kursus secara jarak jauh (PJJ) dan hanya sebilangan kecil IPTA dan IPTS yang menawarkan program secara PJJ ini.

Hasil kajian oleh Rubiah & Jamilah (2009) ada mengatakan ahli akademik juga mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam memainkan peranan sebagai faktor galakan dan sokongan kepada pelajar. Selain itu kebanyakan IPTA/IPTS di Malaysia sedar akan kepentingan penggunaan e-pembelajaran dalam pendidikan di Malaysia, ini dapat dibuktikan daripada penggunaan proforma pembelajaran yang dilihat memasukkan e-pembelajaran sebagai salah satu kaedah pembelajaran. Keperluan internet dan aplikasi yang bersesuaian juga sering ditambah baik bagi memastikan pelajar sentiasa dapat mengikuti pembelajaran dengan kaedah dan teknik pembelajaran yang terkini. Ahli akademik juga menunjukkan respon yang baik dalam membantu pelajar untuk lebih aktif menggunakan PdP dalam talian berbanding kajian terdahulu.

Selain daripada penggunaan laman sesawang dan portal pelajar, IPTA/IPTS juga telah mempraktikan pelbagai urusan pentadbiran melalui atas talian, sebelum pandemik berlaku pensyarah lebih mudah untuk berurusan secara bersemuka, namun atas faktor keselamatan dan kesihatan, pentadbiran IPTA/IPTS tidak mempunyai pilihan lain selain mempelbagaikan urusan pentadbiran dan pendaftaran melalui penggunaan aplikasi atas talian. Penggunaan email dan Google Classroom juga digunakan semaksima yang mungkin ini kerana ia dilihat sebagai aplikasi yang mudah dan senang digunakan. Menurut Google Trend (2021), Malaysia antara

negara yang terbanyak mempunyai carian Google Classroom sehingga ke hari ini, selain itu Google Meet juga mempunyai jumlah carian terbanyak oleh pendidik dan pelajar di Malaysia.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Nor Halina, Norlizawati & Norhafinas (2020) terhadap pensyarah dari 96 kolej komuniti di semenanjung mendapati bahawa tiga cabaran yang paling utama dihadapi oleh pensyarah sewaktu pelaksanaan PdP dalam talian ialah pelajar lebih selesa PdP dilakukan secara bersemuka berbanding atas talian, capaian internet pelajar juga adalah di tahap sederhana dan usaha pelajar menghantar tugas dalam PdP dalam talian adalah lemah berbanding secara bersemuka. Faktor demografi dan pendapatan keluarga pelajar menjadi antara faktor utama yang mempengaruhi usaha dan komitmen pelajar sewaktu PdP dalam talian dilaksanakan. Masalah isyarat internet yang lemah akan mempengaruhi fokus pelajar sewaktu penggunaan aplikasi tertentu seperti audio tersekat, video yang tersangkut dan kesukaran untuk menyambung aplikasi tersebut.

3.0 Kaedah Kajian.

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dan deskriptif dengan menggunakan rekabentuk kajian secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Soal selidik telah diedarkan melalui Googleform mensasarkan pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) yang mengadakan pembelajaran atas talian sepenuhnya pada sesi II 2020/2021. Seramai 43 orang responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan di dalam kumpulan whatsapp pensyarah FPM. Soal selidik ini telah diadaptasi dari kajian Nor Halina, Norlizawati & Norhafinas (2020) mengandungi 13 item dan menggunakan lima skala likert. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A demografi dan bahagian B mengandungi item-item cabaran yang dihadapi oleh pensyarah sewaktu PdP atas talian dilaksanakan. Analisis secara diskripsi dilakukan bagi melihat cabaran dan maklum balas pensyarah dalam tempoh pelaksanaan PdP dalam talian.

Jadual 1: Tafsiran Min Tahap

Min	Tahap
0.00-1.66	Rendah / Tidak Memuaskan / Tidak Perlu
1.67 – 3.33	Sederhana / Agak memuaskan / Agak Perlu
3.34 – 5.00	Tinggi / Sangat memuaskan/Sangat Perlu

4.0 Analisis Kajian.

Analisis yang dijalankan adalah berbentuk frekuensi dan ranking min, daripada 13 item pengkaji akan membincangkan hanya 7 daripada item yang melibatkan pensyarah secara langsung. Berdasarkan rankin min dalam jadual cabaran utama pensyarah tetap berpendapat proses PdP atas talian adalah lebih mudah dari bersemuka diikuti tiada tekanan dalam melaksanakan PdP secara dalam talian dan cabaran ketiga yang paling dominan ialah proses pemarkahan dapat dijalankan dengan lebih lancar. Selain itu dapat dilihat juga antara min yang tinggi ialah pensyarah mampu melaksanakan PdP secara atas talian.

Jadual 2: Ranking min cabaran yang dihadapi pensyarah semasa menjalankan PdP dalam talian

Bil	Item	Min	Tahap	Rank
1	Proses pembelajaran secara dalam talian memudahkan proses PdP	3.58	Tinggi	5
2	Pensyarah mampu melaksanakan PdP secara a dalam talian.	4.18	Tinggi	7
3	Tiada tekanan dalam melaksanakan PdP secara dalam talian.	2.79	Sederhana	2
4	Proses PdP secara dalam talian adalah lebih mudah berbanding pertemuan bersemuka.	2.76	Sederhana	1
5	Proses pemarkahan dapat dijalankan dengan lancar.	3.39	Tinggi	3
6	Pembelajaran secara dalam talian memberi masa yang fleksibel kepada pensyarah untuk melengkapkan modul pembelajaran.	4.06	Tinggi	6
7	Penetapan jam kuliah adalah bersesuaian dengan pembelajaran dalam talian.	3.55	Tinggi	4

5.0 Perbincangan dan Kesimpulan.

Dapat dilihat dari hasil analisis, oleh kerana pelaksanaan PdP dalam talian masih di peringkat awal menjadi antara faktor yang menyebabkan pensyarah masih merasakan pembelajaran bersemuka adalah lebih efektif berbanding PdP dalam talian, ini selari dengan hasil kajian Amirudin, Mohd Rakime dan MD Hidayat (2018), walaupun pensyarah sudah mengajar lebih dari lima tahun, penggunaan PdP dalam talian masih di peringkat sederhana dan atas faktor pandemik pensyarah di KUIS dalam keadaan kurang bersedia dan terpaksa menggunakan segala kemudahan teknologi yang ada bagi melancarkan proses PdP dalam talian. Hasil kajian ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nor Harlina et (2020) yang mana ranking untuk item ini adalah yang pertama menunjukkan min yang paling rendah berbanding item lain.

Selain dari itu walaupun setelah hampir dua semester PdP dalam talian dilaksanakan seramai 30 peratus dari responden tidak setuju tidak wujud tekanan sewaktu PdP dalam talian dilaksanakan. Peratus yang tertinggi berbanding item yang lain. Ini dapat dibuktikan bukan sahaja emosi pelajar adalah penting namun emosi dan motivasi pensyarah juga turut terkesan sewaktu proses PdP dalam talian berlangsung. Tekanan dari pihak pensyarah adalah disebabkan faktor capaian internet dan maklumbalas dari pelajar yang kurang memberangsangkan serta usaha untuk menyiapkan dan menghantar tugas pelajar adalah di tahap yang minimum. Pensyarah perlu mengingatkan pelajar berulang kali dan sentiasa menyemak senarai pelajar yang telah menghantar atau belum.

Walaupun bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan peratusan min yang tinggi bagi item seperti pensyarah mampu menjalankan PdP dalam talian, walaupun wujud pelbagai cabaran dan halangan namun pensyarah mempunyai kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan PdP dalam talian ini. Komitmen dan usaha yang tidak berbelah bahagi kepada pelajar adalah perlu bagi memastikan pelajar dapat dan boleh menghabiskan pengajian dalam tempoh yang sepatutnya. Selain dari itu responden juga bersetuju PdP dalam talian menjadikan masa lebih fleksibel dan mencukupi untuk pensyarah menghabiskan modul pembelajaran, ini kerana pensyarah boleh menggunakan medium pembelajaran yang ada untuk berkongsi maklumat dan memberi tugas tanpa perlu pelajar menghadiri kuliah mengikut masa yang telah ditetapkan dalam jadual pelajar.

Dapat disimpulkan dari kajian ini, pensyarah mempunyai ruang dan kesempatan yang banyak untuk memperbaharui kaedah dan teknik pengajaran, sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran pendidikan masa kini, serta PdP dalam talian pada dasarnya telah lama diunjurkan namun tidak menjadi keperluan sebelum pandemik ini berlaku. Pensyarah merupakan agen perubahan utama dalam memastikan pelajar juga dapat mengharungi cabaran yang pelbagai ketika menghabiskan pengajian secara dalam talian. Dalam kajian seterusnya pengkaji mencadangkan kajian meliputi aspek emosi, motivasi, komitmen dan kesediaan pensyarah dan pelajar dalam tempoh PdP dalam talian dilaksanakan.

Rujukan.

Amirudin Bin Mohd Salim, Mohd Rakime Bin Shaffai. & Md Hidayat Bin Abd. Jalil. (2018). Kesedaran, Penerimaan, Keberkesanan Dan Hubungkaitnya Terhadap Pelaksanaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Merlimau.

Noraffandy Yahaya & Ling Ning Ning (2011). Kesediaan Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar Tahun Kedua Kursus Sarjana Muda Sains, Komputer Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia - Satu Tinjauan. *Jurnal of Educational Social Science*, volume 1 Mac 2011, Pages 121-140 / ISSN: 2231-7333. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Nor Halina Binti Noordin, Norlizawati Binti Hashim & Norhafinas Binti Abd Latib (2020). Cabaran Pensyarah Kolej Komuniti Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Kolej Komuniti Gerik. *e-Proceedings of the Green Technology & Engineering 2020 Virtual Conference GREENTECH'20*.

Rubiah Omar & Jamilah Hj. Ahmad (2009). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)(2009): 155 – 172.